



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA

PEMBUKAAN LALUAN FT066 JALAN SUNGAI SAM – DABONG, KELANTAN

Laluan FT066 Jalan Sungai Sam – Dabong km28.3 yang telah ditutup sejak 29 Disember 2014 kerana mendapan akibat daripada kegagalan cerun dan membahayakan pengguna, akan dibuka semula mulai jam 8.00 pagi esok, 17 Januari 2015.

Kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh Jurutera Daerah, Kuala Krai bersama syarikat konsesi Roadcare Sdn Bhd menggunakan kaedah *sheet pile*. Jalan ini siap dibaiki sepenuhnya pada 16 Januari 2015. Dengan siapnya kerja pembaikan tersebut disusuli dengan semakan keselamatan, maka Laluan FT066 adalah dengan ini disahkan selamat dan dibuka semula pada 17 Januari 2015 untuk pengguna jalanraya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam penyiapan kerja ini sehingga ia dapat dibuka semula demi kemudahan kepada rakyat.

YB. DATO' SRI HJ. FADILLAH YUSOF




MENTERI KERJA RAYA

16 JANUARI 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia




☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kkr.gov.my

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my